

03 APR 1997

Mahathir - Lawat

MAHATHIR AKAN LAWAT KUWAIT DAN BAHRAIN

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Kuwait dan Bahrain mulai Sabtu ini bagi memperkukuhkan lagi hubungan antara Malaysia dan kedua-dua negara Teluk itu.

Hasrat bersama ialah untuk memajukan bidang-bidang baru bagi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan serta kerjasama di kalangan negara-negara dunia ketiga.

Setiausaha Bahagian Asia Barat, Afrika dan Pertubuhan Persidangan Islam Wisma Putra Datuk Deva Mohd Ridzam Abdullah memberitahu persidangan berita di sini hari ini bahawa Dr Mahathir akan melawat Kuwait selama tiga hari mulai Sabtu dan kemudian Bahrain selama tiga hari lagi.

Lawatan ke Kuwait ialah atas undangan Putera Mahkota Kuwait Sheikh Saad Al-Abdulla Al-Sabah yang juga Perdana Menteri sementara lawatan ke Bahrain ialah atas jemputan Perdana Menteri Sheikh Khalifa bin Sulman Al-Khalifa.

Di Kuwait, Dr Mahathir yang akan mengetuai delegasi rasmi 15 anggota antara lain akan melawat Menara Pembebasan Kuwait (menara telekomunikasi), menara keempat tertinggi di dunia selepas Menara Kuala Lumpur dan Istana Seif -- kompleks kerajaan yang menempatkan pejabat Emir Kuwait, Perdana Menteri dan Kabinet negara itu.

Malaysia dan Kuwait dijangka menandatangani perjanjian mengelakkan cukai dua kali semasa rundingan dua hala yang dijadualkan pada hari kedua lawatan.

Deva berkata Malaysia yang menjalin hubungan dengan Kuwait sejak 1975 telah menandatangani beberapa perjanjian dengan negara itu terutama kerjasama ekonomi dan teknikal, kebudayaan dan saintifik, jaminan pelaburan, perdagangan dan perjanjian perkhidmatan udara.

Syarikat penerbangan Kuwait -- Kuwait Airways mengadakan penerbangan dua kali seminggu ke Kuala Lumpur tetapi menghentikan sementara perkhidmatannya tahun lepas kerana kekurangan pesawat.

Kuwait ialah rakan perdagangan Malaysia yang kelima terbesar di Asia Barat selepas Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Mesir dan Jordan. Perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah RM296 juta tahun lepas.

Perdagangan memang menguntungkan Malaysia yang purata RM82 juta sejak 1992.

Dr Mahathir juga akan diraikan pada majlis jamuan tengah hari oleh Emir Kuwait, Sheikh Jaber Al-Ahmad Al-Sabah pada hari kedua lawatan. Beliau juga dijadual berucap kepada ahli perniagaan Kuwait dan Malaysia pada satu majlis.

Di Bahrain, Dr Mahathir di samping mengadakan rundingan dua hala juga akan menyampaikan ucapan dasar pada perasmian Forum Ekonomi Teluk dan mengadakan mesyuarat dengan Dewan Perdagangan dan Pengusaha Bank Bahrain.

Deva berkata Bahrain ialah negara pertama Arab yang mempelbagaikan ekonominya dan sekarang, sektor industri ringan terutama aluminium bertapak kukuh di negara itu.

"Ia menjadi pusat kewangan serantau yang penting dalam konteks sistem bank konvensional dan sistem kewangan Islam," kata beliau.

Bahrain menubuhkan bank Islamnya yang pertama dikenali sebagai Bank Islam Bahrain pada 1979 dan kini, ia mempunyai jumlah bank dan institusi kewangan Islam yang paling banyak.

Industri pelancongan di Bahrain juga berkembang maju.

"Ini menawarkan peluang baik kepada bank-bank dan sektor pelancongan di

Malaysia," kata beliau.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Bahrain ialah kira-kira RM100 juta tahun lepas dengan eksport Malaysia bernilai RM54 juta.

Malaysia dan Bahrain telah menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal, perjanjian kerjasama saintifik pada 1975 dan perjanjian perkhidmatan udara pada 1994.

Sejak itu, Penerbangan Malaysia tidak mengadakan penerbangan ke Bahrain tetapi Gulf Air mengadakan penerbangan dua kali seminggu ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AFY FAZ